

Usaha bawa Anwar gagal

UM- 27/5/2001

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL



KE MANA Wan Azizah mahu membawa haluan PKR?

PKR mudah diramal masa hadapannya kerana Anwar masih di situ sebagai pemimpin 'de-facto' mereka. Selagi Anwar ada, selagi itulah Anwar akan berkuasa dalam PKR.

bagai pemimpin 'de-facto', Anwar tidak boleh membuat keputusan kerana beliau akan menjadi tunjang PKR selepas perwakilan sendiri bersetuju beliau membimbing dalam menyediakan jentera parti menghadapi pilihan raya.

Dasar

Justeru, seperti kata Presiden PKR yang sah, Dr. Wan Azizah - Keadilan adalah prinsip dan dasar utama PKR dan dasar ini bersesuaian dengan tuntutan ajaran agama. Ia adalah asas kukuh dan meresap ke dalam seluruh dimensi kehidupan bagi melahirkan masyarakat yang maju, berakhlak dan merdeka.

Jadi, di manakah sebenarnya Dr. Wan Azizah mahu membawa hala tuju parti

ini? Perjuangan memastikan 'kebebasan' Anwar supaya boleh menduduki kerusi sah Presiden PKR atau yang lebih utama, membawa perjuangan ahli dalam parti untuk memburu kejayaan dalam pilihan raya umum akan datang?

Semalam Presiden PKR yang menang tanpa bertanding selepas diberi laluan oleh Anwar dan seorang lagi calon - bekas Timbalan Presiden PKR, Abdul Rahman Othman, menarik diri telah pun menggariskan beberapa 'manifesto' seolah-olah berkemampuan untuk dilaksanakan.

PKR boleh kata apa sahaja dan menabur apa jua janji kepada rakyat. Jika benar PKR yang cuba dibawa oleh Dr. Wan Azizah bersama pemimpin 'de-facto', Anwar serta MPT ke arah satu pe-

rubahan besar, maka mereka harus melakukan 'reformasi' dalaman dengan lebih telus dan terhormat.

Ini kerana, faktor ketidakpercayaan Timbalan Presiden, Dr. Syed Husin Ali terhadap ahli PKR sendiri sehingga mengeluarkan kenyataan kesal dengan kecamukan dalam sayap Angkatan Muda Keadilan (AMK) sebenarnya memerlukan reformasi minda.

Bagaimana PKR mahu menghapuskan minda feodal dan autoritarian, minda disiplin dan kebendaan sebagaimana diperkatakan oleh Dr. Syed Husin ketika kongres meluluskan pewujudan pemimpin 'de-facto' dalam parti ini.

Semalam juga Dr. Wan Azizah berkata, ahli perlu menghidupkan semangat gotong-royong dengan bekerja tanpa mengharapkan imbuhan kerana kita (PKR) bukan parti yang mempunyai dana yang banyak.

Itu cakap mulut seorang pemimpin tetapi sejauh mana ahli PKR menunjukkan komited dan berasa hormat kepada kepimpinan jika sahabat karib sekalipun (Datuk S. Nallakaruppan) bersama beberapa pemimpin orang India telah keluar dari PKR ketika parti ini sedang bergelut untuk hidup.

Semua pemimpin PKR dengan nada tegas mengatakan mereka adalah parti bangsa Malaysia. Namun hal inilah sebenarnya perlu diperkemas oleh PKR ketika mengatur hala tuju cara untuk memerintah negara sedangkan itulah satu faktor yang dibangkitkan Nallakaruppan - PKR tiada tempat untuk orang India.

Matang

PKR yang ditubuhkan pada 4 April 1999 dan bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada 3 Ogos 2003, sepatutnya semakin matang dan dapat melahirkan pemimpin kelas pertama seperti yang diucapkan Dr. Wan Azizah.

Tetapi apa yang jelas pada kongres yang berlangsung di Seremban ini kepekaan untuk melahirkan pemimpin kelas pertama belum dapat disambut dengan relevan di kalangan pemimpin muda yang cuba dilahirkan PKR ketika ini kerana kesepakatan dilihat masih samar.

Ini tugas berat yang akan dimainkan oleh Dr. Wan Azizah dalam usaha memperkasakan sayap AMK dan Wanita PKR kerana ini nadi kepada gerakan sebenar PKR. Sekiranya tonggak ini terabai dan perjuangan hanya menumpukan kepada pemimpin 'de-facto', umum pasti melihat PKR akan bernoktah perjuangan yang tertumpu pada satu maksud.

Sebab itu PKR yang telah menyimpang pada erti dan maksud penubuhan parti itu semakin hilang daya untuk menjaring orang muda, biarpun diberi jaminan oleh Dr. Wan Azizah bahawa mereka adalah sebahagian agenda parti itu.

Oleh yang demikian, kongres yang akan berakhir semalam masih belum meninggalkan kesan sebenar yang menyengat di kalangan perwakilan melainkan Anwar akan sekali lagi melakukan kejutan dalam ucapan penangguhan MPT.

Sama ada PKR masih relevan di kalangan rakyat Malaysia, kita sudah ada jawapannya. PKR mudah diramal masa hadapannya kerana Anwar masih di situ sebagai pemimpin 'de-facto' mereka. Selagi Anwar ada, selagi itulah Anwar akan berkuasa dalam PKR.

Terserah pada Anwar - pemimpin 'de-facto' PKR, Dr. Wan Azizah, Zuraida Kamaruddin (Ketua Wanita PKR), Shamsul Iskandar Md Akin (Ketua AMK) untuk membawa parti ini ke mahligai atau berfantasi sampai bila-bila.

Mungkin juga ikan besar yang terlepas dari jaring tadi akan kembali tersangkut, tetapi belum tentu jaringnya pula masih baru seperti dahulu. Maka jaring terus diganti, ikan besar pula terus menari.